



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BILANGAN 06 /2005
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenankan bagi menaikkan taraf Urusetia Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada sebuah Jabatan iaitu Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama.


2. Diantara tugas dan peranan utama Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei adalah seperti berikut:

- a. Hal Ehwal pentadbiran dan pengurusan Majlis Ugama Islam dan hal ehwal yang berkaitan dengannya serta Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawahnya;
- b. Membantu pada menyediakan hal ehwal dasar dan undang-undang yang berkaitan dengan kepentingan Umat Islam dan Ugama Islam;
- c. Hal ehwal pentadbiran dan pengurusan harta zakat, Baitul Mal dan Wakaf;
- d. Penyelidikan mengenai dengan isu-isu Ugama Islam;
- e. Mentadbir dan melaksanakan kehendak Akta Penggal 77 serta Akta-Akta atau Perintah-Perintah lain yang berkaitan dengan Majlis Ugama Islam.

3. Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei ditempatkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai sebuah jabatan penuh dengan diketuai oleh seorang Setiausaha.

4. Penubuhan Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei berkuatkuasa mulai 20 Muharram 1426 bersamaan 1 Mac 2005.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.


PEHIN ORANG KAYA PEKERMA LAILA DIRAJA
(Dato Paduka Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (06) JPM/SK/2005
Tarikh : 08 Rabiulakhir 1426
17 Mei 2005